

PANADOL COLD+FLU-ND CAPLET

Paracetamol / Phenylephrine Hydrochloride (500mg/5mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Panadol Cold+Flu-ND Caplet
2. Bagaimana Panadol Cold+Flu-ND Caplet berfungsi
3. Sebelum mengambil *Panadol Cold+Flu-ND Caplet*
4. Cara menggunakan Panadol Cold+Flu-ND Caplet
5. Semasa menggunakan Panadol Cold+Flu-ND Caplet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Panadol Cold+Flu-ND Caplet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Panadol Cold+Flu-ND Caplet

Untuk tindakan cepat dan kelegaan untuk hidung tersumbat, kesakitan sinus, sakit badan, kepala sakit dan demam.

Bagaimana Panadol Cold+Flu-ND Caplet berfungsi

Paracetamol dalam Panadol Cold+Flu – ND Caplet dapat menghentikan mesej kesakitan daripada sampai kepada otak. Paracetamol juga bertindak di dalam otak untuk mengurangkan demam. Phenylephrine hydrochloride adalah *decongestant* yang dapat melegakan hidung tersumbat dan membantu anda bernafas dengan lebih mudah

Sebelum mengambil Panadol Cold+Flu-ND Caplet

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil ubat ini jika anda:

- mempunyai alahan terhadap *paracetamol*,

phenylephrine atau mana-mana bahan-bahan lain di dalam produk ini.

- mengambil atau telah mengambil ubat-ubatan yang dipanggil monoamina oksidase (MAOIs), dalam masa dua minggu yang biasanya digunakan untuk merawat kemurungan.

Jangan ambil Panadol Cold+Flu-ND Caplet jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung, mungkin mengandung atau menyusu.

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum mula mengambil

Rujuk dengan doktor anda sebelum guna jika anda:

- mempunyai masalah kerosakan hati atau buah pinggang
- kurang berat badan atau kekurangan zat makanan
- kerap minum alkohol

Anda mungkin perlu untuk mengelakkan menggunakan produk ini sama sekali atau menghadkan jumlah *paracetamol* yang anda ambil. Rujuk dengan doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika anda:

- mempunyai jangkitan yang teruk kerana ini boleh meningkatkan risiko asidosis metabolik. Tanda-tanda asidosis metabolik termasuklah pernafasan yang panjang, pantas dan sukar, mual, muntah, hilang selera makan. Rujuk doktor dengan segera jika anda mendapat gejala-gejala seperti di atas.
- menghadapi tekanan darah tinggi, penyakit jantung atau penyakit pembuluh

darah seperti fenomena Raynaud (yang mungkin membuat anda rasa sakit di bahagian jari tangan atau kaki sebagai tindak balas akibat sejuk atau tekanan), kencing manis atau tiroid yang terlalu aktif.

- mempunyai glaukoma (tekanan yang berlebihan di dalam mata anda).
- mempunyai *pheochromocytoma* (ketumbuhan berhampiran buah pinggang)
- mempunyai masalah prostat atau kesukaran membuang air kecil.

Sila jumpa doktor atau ahli farmasi jika gejala berlarutan.

Produk ini mungkin menyebabkan pening. Jika terjejas, jangan memandu atau mengendalikan sebarang mesin.

AMARAN ALAHAN:

Paracetamol boleh menyebabkan reaksi kulit yang teruk. Tanda-tanda boleh termasuk kemerahan kulit, lepuh dan ruam. Ini mungkin tanda-tanda keadaan serius. Jika reaksi ini berlaku, berhenti menggunakan ubat ini dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Rujuk dengan doktor anda sebelum guna jika anda mengambil

- warfarin atau ubat-ubatan serupa yang digunakan untuk mencairkan darah
- ubat untuk mengawal tekanan darah, contohnya beta blocker
- digoxin atau ubat-ubatan yang serupa untuk penyakit jantung.

PANADOL COLD+FLU-ND CAPLET

Paracetamol / Phenylephrine Hydrochloride (500mg/5mg)

- ubat penahan atau perangsang selera makan untuk merawat kemurungan, seperti tricyclic antidepressant (misalnya amitriptyline)
- Mengandungi paracetamol.
- Jangan gunakan ubat ini bersama ubat-ubatan lain untuk melegakan batuk dan selsema atau hidung tersumbat. Mengambil terlalu banyak paracetamol boleh menyebabkan kemudaratan yang serius kepada hati anda.
- Jangan gunakan ubat ini jika anda mengambil mana-mana preskripsi atau bukan preskripsi ubat-ubatan lain yang mengandungi paracetamol untuk merawat kesakitan, demam, gejala sejuk dan selsema, atau untuk membantu tidur.
- Sentiasa membaca dan mengikuti label.
- Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.
- Sesetengah ubat-ubatan dan produk ini boleh mengganggu satu sama lain.

Ubat ini mengandungi Paracetamol. Jangan mengambil sebarang ubat-ubatan lain yang mengandungi paracetamol pada masa yang sama.

Cara menggunakan Panadol Cold+Flu-ND Caplet

- Berapa banyak harus digunakan

Usia 12 - Dewasa: 2 biji kaplet.

Setiap 4 - 6 jam bila perlu (maksimum 8 tablet dalam tempoh 24 jam).

Jangan melebihi dos yang dinyatakan.

Sila jumpa doktor jika gejala berlarutan.

Pastikan anda tidak ambil lebih kerap daripada setiap 4 jam.

Dos yang paling rendah diperlukan untuk mencapai keberkesanan yang harus digunakan.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini.

Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Jika sakit berlarutan lebih 7 hari, sila jumpa doktor atau ahli farmasi.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika disyaki atau terambil dos berlebihan, sila dapatkan nasihat perubatan dengan segera kerana risiko kerosakan

hati, walaupun simptom terlebih dos tidak didapati. Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan

Panadol Cold+Flu-ND Caplet

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Panadol Cold+Flu-ND Caplet.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil lebih daripada 8 kaplet sehari.
- Tidak disyorkan untuk kanak-kanak di bawah 12 tahun.
- Jika sakit berlarutan lebih 7 hari, sila jumpa doktor atau ahli farmasi.
- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Panadol Cold+Flu-ND Caplet dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

PANADOL COLD+FLU-ND CAPLET

Paracetamol / Phenylephrine Hydrochloride (500mg/5mg)

- Pastikan anda tidak mengambil ubat lain yang juga mengandungi paracetamol pada masa yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Paracetamol boleh menyebabkan alahan kulit yang teruk. Gejala boleh termasuk kemerahan kulit, lepuh dan ruam.

Kesan-kesan sampingan

Apabila mengambil produk ini anda mungkin mengalami sakit kepala, pening, gementar, sukar tidur, tekanan darah meningkat, mual dan muntah-muntah. Hentikan daripada mengambil ubat ini dan rujuk doktor anda dengan segera jika:

- Anda mengalami reaksi alahan seperti ruam atau gatal-gatal kulit, kadang-kadang masalah pernafasan atau kemerahan dan pembengkakan pada bibir, lidah, tekak atau muka
- Anda mengalami ruam atau kulit mengelupas, atau ulser mulut
- Anda pernah mengalami masalah pernafasan dengan aspirin atau nonsteroidal anti-inflamasi, dan mengalami tindak balas yang sama dengan produk ini
- Anda mengalami lebam atau pendarahan yang tidak dapat dijelaskan puncanya
- Anda mengalami kadar nadi yang luar biasa pantas, atau rentak daripada degupan jantung yang luar biasa pantas atau tidak teratur.
- Anda mengalami hilang penglihatan, yang mungkin disebabkan oleh tekanan darah tinggi yang tidak

normal di dalam mata. Ini jarang berlaku tetapi lebih kerap berlaku pada mereka yang menghidap glaukoma.

- Anda mengalami kesukaran untuk membuang air kecil. Ini lebih kerap berlaku kepada lelaki yang mengalami kelenjar prostat membesar/mengembang.

Tindakbalas ini jarang berlaku. Reaksi hipersensitiviti kulit termasuk ruam kulit, angioedema, Stevens Johnson Syndrome/Toxic Epidermal Necrolysis telah dilaporkan. Seperti ubat-ubatan lain, Panadol Cold+Flu-ND Caplet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Panadol Cold+Flu-ND Caplet

- Penyimpanan

Jauhkan daripada kanak-kanak. Simpan di bawah suhu 30°C.

- Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui sisa air atau sisa rumah. Tanya ahli farmasi bagaimana melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan.

Langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Kapsul putih berbentuk kaplet dengan bahagian tepi 17.7mm x 7.1mm yang rata. Satu bahagian dalam lingkungan bujur diukir dengan “☼”.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif

Paracetamol 500mg
Phenylephrine Hydrochloride 5mg

Bahan-bahan tidak aktif

Maize starch
Talc
Starch pregelatinized
Povidone
Stearic acid
Potassium sorbate
Sodium lauryl sulphate
Microcrystalline cellulose

- Nombor MAL

MAL09062126ACRZ

Pengilang

Aspen Pharma Pty Ltd.,
286-302 Frankston-Dandenong
Road, Dandenong South, VIC
3175, Australia.

Pemegang Pendaftaran

Produk

Haleon Malaysia Sdn. Bhd.
Lot 89, Jalan Enggang,
Ampang/Hulu Kelang Industrial
Estate, 68000 Selangor Darul
Ehsan

Tarikh kemaskini RiMUP

02/04/2026

Nombor Siri

NPRA(R2/1)201023/0542